



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RAMAIKAN NELAYAN LAUT DALAM, SINAR SIASAT, SH -11	LEMABAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2. 3.	TEKONG BOT DIDAKWA RASUAH, SINAR SIASAT, SH -11 NELAYAN TEMPATAN TERPAKSA GUNA KRU ASING, SINAR SIASAT, SH -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	CONSUMER URGED TO BUY MYGAP CERTIFIED PRODUCTS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16a	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6.	JANJI MANIS PH DI TANJUNG PIAI, NASIONAL, HAKAH -N6 SELEWENG AP UMPAMA KHIANATI NEGARA, KOMENTAR, BH -11	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ramaikan nelayan laut dalam



Persatuan nelayan digesa banyakkannya aktiviti melibatkan orang muda

ANITA ABU HASAN

SHAH ALAM

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) meminta persatuan nelayan di seluruh negara supaya memperbanyakkan aktiviti penglibatan golongan muda dalam persatuan mereka bagi menarik minat belia bekerja sebagai nelayan laut dalam.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, usaha itu bagi mengatasi jumlah kemerosotan nelayan laut dalam sekali gus mengekang pencerohan hasil laut negara oleh pihak tidak bertanggungjawab terutama nelayan w a r g a asing.



MUHAMMAD FAIZ

"Kemerosotan jumlah nelayan yang berlaku sekarang ini sudah pasti menjejaskan pendaratan ikan laut pada masa depan.

"Setakat ini jumlah nelayan turun ke laut yang mendaftar dengan LKIM seramai hampir 60,000 orang. Bagaimanapun, kita mahu penglibatan lebih ramai belia sebagai nelayan terutama di laut dalam bagi kelangsungan bekalan ikan di negara ini sekali gus membuka peluang kerja kepada belia.

"Lagipun aktiviti menangkap ikan laut dalam biasanya memerlukan tempoh masa agak lama dan pastinya ketahanan fizikal golongan muda diperlukan dalam situasi itu berbanding nelayan lebih berusia," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Muhammad Faiz mengulas laporan *Sinar Siasat* semalam yang mendedahkan pemilik bot tempatan terpaksa menggunakan khidmat nelayan warga asing akibat kekurangan pekerja tempatan.

Kata Muhammad Faiz, oleh sebab itu kerajaan termasuk LKIM giat merencanakan usaha bagi menarik golongan m u d a menceburi industri



Laporan *Sinar Harian* Semalam lalu.

perikanan laut dalam menerusi latihan serta penyediaan teknologi menangkap ikan laut dalam termasuk aspek penambahan jumlah lesen perikanan serta bot bersesuaian bagi kategori C dan C2.

"Jadi persatuan nelayan perlu ambil peluang ini untuk menarik golongan belia lebih ramai menjadi nelayan laut dalam kerana ia memang memberikan pulangan lumayan sebagai sumber pendapatan.

"Kita akan cuba bantu dari segi pemberian lesen dan bot nanti," katanya.

Tegas Muhammad Faiz lagi, itu adalah langkah kerajaan dari segi permasalahan tenaga kerja tetapi dalam kerajaan mencari jalan bagi menarik minat golongan muda menjadi nelayan laut dalam untuk menambah jumlah nelayan

sedia ada, nelayan asing pula terlebih dahulu mengambil kesempatan merompak hasil perikanan di perairan negara.

Dalam pada itu beliau tidak menafikan kuantiti pendaratan ikan setakat bulan lalu merosot iaitu 588.500 tan metrik berbanding 914.600 tan metrik tahun lepas.

"Bila nelayan kita tidak pergi ke laut dalam, warga asing ambil kesempatan. Ini yang kita tidak mahu (nelayan asing).

"Jika jumlah nelayan berkurangan dan warga asing pula ambil kesempatan mengaut sumber laut negara, rentetan nya pendaratan ikan akan terus berkurangan sekali gus menjejaskan bekalan ikan untuk rakyat Malaysia," katanya.

Tekong bot didakwa rasuah

KUANTAN - Seorang tekong bot nelayan warga Vietnam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas tuduhan rasuah.

Tertuduh, Ngo Hoang Huy, 27, tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abiddin di hadapan Hakim, Mohd Ghazali Mohd Taib.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menghulur suapan RM600 kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai dorongan tidak mengambil

tindakan ke atas dirinya dan awak-awak selepas ditahan atas kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu ketika berada di atas bot di lokasi tangkapan pada jam 10.45 pagi, 8 Oktober lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 24 akta sama.

Sekiranya sabit kesalahan, tertuduh bakal berdepan hukuman penjara tidak lebih daripada dua tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang paling tinggi.

Nelayan tempatan terpaksa guna kru asing

SHAH ALAM - Majoriti pemilik bot nelayan tempatan terpaksa menggunakan tenaga kerja warga asing untuk menangkap ikan di laut termasuk di pesisir pantai atas pelbagai faktor mendesak.

Pengerusi Persatuan Nelayan Hai San Sungai Besar, Selangor, Sia Chock Sung, misalnya, mengakui majoriti pemilik bot nelayan di kawasan nya terpaksa menggaji warga asing kerana kekurangan pekerja tempatan.

Menurutnya, kira-kira 90 peratus pemilik bot tempatan di kawasan itu menggunakan kru warga asing iaitu rata-ratanya dari Myanmar, Thailand dan Indonesia sama ada memiliki permit ataupun tidak.

"Di kawasan ini kebanyakan yang gunakan tenaga kerja asing ini ialah pemilik bot kelas B, kelas A tak ada yang guna.

"Mereka terpaksa gajikan warga asing kerana tak ada orang tempatan yang mahu kerja sebagai kru bot. Orang muda di kampung-kampung sekarang pun dah tak ramai sebab ramai yang berhijrah cari kerja di bandar," katanya.

Kata Chock Sung, setakat ini kerajaan hanya membenarkan bot kelas C menggaji warga asing dan ia tidak dibenarkan bagi bot kelas B dan kelas A.

Katanya, disebabkan situasi itu pihaknya memohon kerajaan mempertimbangkan untuk memberi kelonggaran kepada pemilik bot nelayan kelas B untuk menggunakan nelayan asing agar tiada lagi kes penggunaan tenaga asing tanpa permit.



Pemilik bot terpaksa menggaji warga asing kerana orang tempatan tidak berminat bekerja sebagai nelayan.

Headline	Consumer urged to buy MyGAP certified products		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	24 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A16a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,895
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,685



农业部副总监吁消费者多购买MyGAP认证农产品

【马六甲 23 日讯】农业部副总监（管理与监管）莫哈末纳希尔呼吁消费者多购买拥有“大马良好农业规范”（MyGAP）认证的农产品，借以鼓励更多农民采用更安全的农业模式。

他表示，拥有 MyGAP 认证的农产品价格比普通农产品高出约 5% 至 10%，但相比起有机认证食品，是便宜许多。

“有机食品的售价比普通的高出至少三四倍，相比 MyGAP 认证的农产品售价，不只是便宜许多，并且不含或在生产过程仅用少许农药，在食品安全和消费者的健康方面，是更理想和更物有所值的选择。”

他指出，虽然目前全国农民使用农药的情况仍在受控范围，但农业部更加鼓励他们采用较安全的农业模式务农，最好是完全不使用农药，以综合虫害控制方法来确保农作物的健康，生产出安全的农产品，同时还可减少对环境的污染，也确保农场工人的安全和福利。

他说，使用过量的农药控制虫害，或许有利于当季的收获，可是益虫会因此死亡，生态失衡，对于日后的农业发展并无好处。

莫哈末纳希尔是周三在马六甲，代表农长为“2019 年植物生物安全研讨会”主持开幕后，在记者会上出上述呼吁。

在场者包括农业部（植物生物安全）副总监拿汀嘉蒂尔、



莫哈末纳希尔（左 2 起）、嘉蒂尔及依利亚斯参观参展单位。

（种植工业发展）副总监依利亚斯、甲州农业局局长莫哈末鲁斯丹等。

莫哈末纳希尔也说，过去 25 至 30 年之间，全球因为工业、屋业发展及过度使用农药的情况下，已有 80% 的益虫灭亡，生态系统可说已严重失衡，环境的永续经营需要更多的关注，而鼓励农民采取良好农业规范，是其中一项努力。#

Janji manis PH di Tanjung Piai

Oleh MUHAMED
NORAZIHA ABDULLAH

KUALA LUMPUR: Dewan Pemuda PAS negeri Johor menyifatkan pemberian peruntukan RM3 juta yang dimaklumkan untuk tujuan membaiki tiga jeti nelayan di Tanjung Piai sebagai satu 'gula-gula' untuk meraih undi.

Ia berikutan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai akan berlangsung pada 16 November ini.

Ketuanya, Ustaz Ahmad Nawfal Mahfodz berkata, pemberian peruntukan itu juga adalah sebagai mainan politik Pakatan Harapan (PH) kerana mereka tahu kepercayaan rakyat terhadap parti itu semakin merundum.

"Kita yakin ini adalah sebahagian janji manis dan gula-gula sempena PRK yang akan berlangsung tidak lama lagi.

"Kami sudah dengar banyak aduan, keluhan dan komen rakyat bahawa Adun (Ahli Dewan Undangan Negeri) mereka yang ada sekarang, belum pernah turun padang atasi masalah perparitan.

"Tiba-tiba nak PRK, ada bajet nak baiki jeti dan sebagainya. sebelum ini parit pun tidak boleh selesai,"



Ustaz Ahmad Nawfal Mahfodz

katanya kepada *Harakah*.

Terdahulu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Salahuddin Ayub telah memperuntukan RM3 juta bagi membaiki tiga jeti nelayan di kawasan tersebut.

Bagaimana pun, Salahuddin menafikan bahawa peruntukan itu tidak ada kena-mengena dengan PRK hanya bagi menunaikan janji bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai, Allahyarham Dato' Dr Md Farid Md Rafik.

Seleweng AP umpama khianati negara



Amin Ridzuan Ishak
 amuridzuan@mediaprima.com.my

Ketika penceroohan pengganas Sulu di Lahad Datu, Sabah lebih enam tahun lalu, seorang anggota polis didakwa di mahkamah kerana menyembunyikan maklumat mengenai ancaman aktiviti keganasan itu sehingga membawa kepada pertumpahan darah. Tindakannya itu dianggap sebagai pengkhianatan kerana membiarkan pihak musuh menceroboh yang turut menyebabkan kematian pasukan keselamatan terdiri daripada polis serta tentera yang mempertahankan kedaulatan negara.

Banyak lagi kisah pengkhianatan disiarkan media sebagai iktibar dan ini termasuk penyelewengan permit import (AP) yang diberikan kerajaan terutama untuk mengimport barangan keperluan dari luar negara bagi memastikan bekalan mencukupi.

Penyelewengan AP yang dilak-

akukan dengan cara menjual atau menyewakannya dianggap pengkhianatan kerana tindakan itu memberikan kesan negatif seperti menyebabkan barangan menjadi mahal berikutan kewujudan lapisan baharu dalam rantaian bekalan.

Apabila diberikan AP untuk membawa masuk barangan keperluan seperti gula, tepung, ayam atau daging, ia memberikan sumber bekalan atau pilihan baharu kepada pemegangnya bagi membawa lebih banyak barangan untuk dijual di pasaran. Lambakan barangan itu sepatutnya membolehkan rakyat membeli barangan pada kadar berpatutan, tetapi terpaksa dinaikkan berikutan pengedaran (pembeli atau penyewa AP) perlu menaikkan harganya kerana perlu menyerap kos penyewaan atau pembelian AP daripada pemegang asalnya.

Berdasarkan laporan BH yang melakukan semakan terhadap sebuah laman web mengiklankan perkhidmatan dan barangan, mendapati banyak pihak menawarkan mempunyai AP tepung, ayam, daging, gula dan kubis bulat, me-

ngiklankannya untuk dijual. Siastatan BH yang menyamar menghubungi beberapa 'pemegang AP' mengiklankannya mendapati mereka mampu mengaut keuntungan antara RM2.4 juta hingga RM3 juta, sekiranya dapat menjual 20,000 tan tepung yang dibenarkan dalam AP dimiliki.

Begitu mudah pemegang AP mendapat keuntungan atas angin dengan hanya menyewa atau menjualnya kepada pihak lain dan ia bertentangan hasrat kerajaan yang mengamanahkannya untuk memberi banyak pilihan kepada rakyat sekali gus menjadikan harga lebih murah.

Pengkhianatan oleh pemegang AP yang menyeleweng amanah diberikan itu tidak boleh diterima kerana ketika mereka bersewang-lesang mengira hasil keuntungan, pembeli pula terpaksa mengerah kudrat untuk bekerja bagi membeli barangan keperluan.

Justeru, timbul cadangan supaya AP dimansuhkan dan kerajaan memberi kebenaran kepada pihak berkemampuan untuk membawa bekalan dari luar negara bagi memberi lebih banyak pi-

lian yang lama kelamaan membolehkan harga barang di pasaran dapat diturunkan atau distabilkan.

Tetapi jika ia dimansuhkan, bagaimana dengan nasib petani tempatan yang kita sedia maklum masih belum berkemampuan untuk mengeluarkan hasil dalam skala besar bagi memenuhi permintaan terutamanya pada musim perayaan.

Kebimbangan itu disuarakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang memberikan contoh mudah bagaimana nasib seorang pekebun kelapa di Bagan Datuk, Perak sekiranya kerajaan memansuhkan AP.

"Setiap kali musim perayaan, kita memerlukan sekitar 27 juta kelapa dan bekalan kita tidak cukup, jadi bawa dari Indonesia yang harganya 80 sen sebiji. Bagaimapun harga di kebun kelapa di Bagan Datuk adalah RM1.20.

"Bayangkan ketika ada AP pun harganya RM1.20, kalau kita buka seluas-luasnya harganya mungkin boleh turun sehingga 60 sen.

Apa hendak jadi dengan pekebun kelapa di Bagan Datuk dengan harga seperti itu," katanya.

Satu penyelesaian konkrit perlu dilaksanakan kerajaan dalam mengelakkan kegiatan penyelewengan AP antaranya dengan memperkemas penguatkuasaan dan mengelakkan sebarang kelompokan yang membawa kepada perkara itu.

Untuk jangka panjang, kerajaan perlu memikirkan kaedah khas untuk meningkatkan pengeluaran petani dan peuteknik bagi mengelakkan negara terlah bergantung kepada bekalan dari luar negara yang menjadi punca AP diberikan selama ini.

Dalam zaman mencabar ini, rakyat harus menjadi keutamaan bukan pemegang AP yang ada antaranya mendapatkannya dengan campur tangan politik sedangkan mereka tidak mempunyai kemampuan untuk mengimport barangan, tetapi hanya mahu mengaut keuntungan dengan menyewa atau menjualnya.

Penulis adalah wartawan Meja Khas Berita Harian